



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
26 MEI 2026 / 8 ZULHIJAH 1447H**

**PENANGGUHAN PENGELUARAN PASPORT MALAYSIA ANTARABANGSA
VERSI BAHARU**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) versi baharu yang sebelum ini dijadualkan bermula pada 1 Jun 2026 akan dijadualkan semula kepada satu tarikh lain yang akan dimaklumkan kemudian.

Langkah ini diambil bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan serta pengalaman urusan rakyat terus berada pada tahap terbaik. Orang ramai masih boleh memperbaharui PMA sedia ada seperti biasa dan pasport yang masih berkuat kuasa kekal sah digunakan sehingga tamat tempoh.

Sebarang perkembangan lanjut berkaitan pelaksanaan PMA versi baharu akan dimaklumkan menerusi saluran rasmi Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

JIM amat menghargai kerjasama dan sokongan berterusan dariapda orang ramai serta kekal komited dalam memperkukuh keselamatan dokumen perjalanan negara dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**